

TEKS UCAPAN
TUAN YANG DIPERTUA
SEMPENA
MAJLIS PELANCARAN BUKU PUSAT KITAR SEMULA KOMUNITI
17 JUN 2014 (SELASA), JAM 2.30 PETANG
AUDITORIUM MPSP

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud

Setiausaha Perbandaran

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Guru-guru Besar

Sekolah-sekolah di Seberang Perai

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Petang dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izin-Nya dapat kita bersama-sama hadir dalam Majlis Pelancaran Buku Pusat Kitar Semula Komuniti pada petang ini. Ribuan terima kasih diucapkan pada tuan-tuan dan puan-puan kerana sudi hadir bagi memeriahkan lagi majlis ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

Pelancaran Buku Pusat Kitar Semula Komuniti ini adalah untuk memberi maklumat berkenaan kitar semula dan panduan untuk membuat kitar semula dengan cara yang betul. Buku ini adalah sebagai laporan kepada inisiatif-inisiatif hijau yang dijalankan oleh komuniti dan aktiviti sekolah hijau untuk menjaga kualiti alam sekitar dan kemampanan komuniti seperti yang termaktub di dalam Pelan Tindakan Local Action 21 MPSP. Program hijau amat digalakkan bagi melahirkan sebuah masyarakat dan komuniti yang sihat dan peka terhadap isu-isu alam sekitar untuk diseimbangkan dengan pembangunan ekonomi dan sosial.

Isu pencemaran alam sekitar seharusnya tidak boleh dipandang remeh kerana bumi yang kita diami pada hari ini semakin tenat dengan sisa-sisa domestik dan sampah sarap. Kitar semula adalah salah satu jalan penyelesaian yang boleh diambil untuk mengatasi masalah pencemaran alam sekitar. Kitar semula adalah agenda utama MPSP ke arah memelihara alam sekitar. Ianya bukan sahaja dapat mengurangkan kos MPSP untuk melupuskan sisa buangan dan sampah sarap malah dapat melindungi alam sekitar dan kesihatan awam. Untuk makluman hadirin sekalian, MPSP telah memperuntukan sebanyak RM74.121 juta untuk kerja-kerja pembersihan pada tahun ini dan kos tipping sahaja di tapak pelupusan Pulau Burung adalah sebanyak RM9 juta. Dengan melaksanakan inisiatif hijau, kita bukan sahaja dapat membantu memelihara dan memulihara alam sekitar tetapi dapat membantu MPSP mengurangkan kos untuk melupuskan sampah.

Hadirin yang dihormati sekalian,

MPSP berhasrat untuk menubuhkan 10 pusat kitar semula komuniti pada tahun ini. Penubuhan 10 pusat kitar semula komuniti ini memerlukan kerjasama dari semua pihak untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang khususnya Seberang Perai lebih bersih, hijau, selamat,

sihat dan menjadi pusat kecemerlangan alam sekitar. Bagi perancangan dan pelaksanaan program kitar semula dan juga kutipan sisa organik untuk kompos dan bumi hijau, pihak JKKK, KRT, Persatuan Penduduk atau Pertubuhan Sukarela boleh berhubung dengan pihak MPSP untuk mendapatkan khidmat nasihat.

Hadirin sekalian,

Program Anugerah Sekolah Hijau dapat meningkatkan kesedaran dikalangan pelajar-pelajar sekolah dan masyarakat mengenai kepentingan menjaga alam sekitar. Program anugerah sekolah hijau telah diadakan 5 tahun berturut-turut bagi memberi pendedahan dan pendekatan secara holistik berkenaan pengurusan alam sekitar dan menggalakkan penambahbaikan berterusan. Pada tahun 2013 sebanyak 86 sekolah telah menyertai program Anugerah Sekolah Hijau iaitu 59 sekolah rendah dan 27 sekolah menengah. Penyertaan bagi program anugerah sekolah hijau pada tahun ini telah bertambah kepada 105 buah sekolah iaitu 75 sekolah rendah dan 30 sekolah menengah. Bagi sekolah-sekolah yang menyertai program anugerah sekolah hijau pada tahun ini, MPSP akan memberikan 15 biji pasu bunga dalam bulan Julai ini. Respon yang positif dari sekolah-sekolah menunjukkan tahap kesedaran masyarakat yang semakin bertambah baik.

Untuk makluman hadirin sekalian, Pasukan Kerja LA21 akan menyambut Hari Kitar Semula Kebangsaan pada 11 November 2014. Program ini masih dalam peringkat perancangan dan bagi menjayakan program ini, sebarang cadangan bagi sambutan amat dialukan.

Selain itu, Pasukan Kerja LA21 dengan kerjasama Mega Cineplax akan menganjurkan program 'Recycled Model Making Competition'. Tarikh tutup penyertaan adalah 23 Jun 2014. Hadiah yang ditawarkan ialah:

1. Johan : RM2188
2. Naib Johan : RM1288
3. Ketiga : RM888

Untuk penyertaan, borang penyertaan boleh diperolehi di kaunter pendaftaran.

Hadirin sekalian,

Dengan adanya program sedemikian dapat meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan menjaga alam sekitar serta meningkatkan penggunaan semula bahan buangan, melaksanakan aktiviti kitar semula dan seterusnya mengurangkan pembuangan sampah ke tapak

pelupusan. Ia juga dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat terhadap konsep Waste to Wealth dilaksanakan melalui 4R, *Rethink, Reduce, Reuse dan Recycle.*

Akhir kata, saya berharap Buku Kitar Semula Komuniti Seberang Perai dan Aktiviti Sekolah Hijau juga dapat dijadikan sebagai rujukan untuk komuniti, sekolah-sekolah dan juga pada masyarakat terhadap isu-isu berkaitan alam sekitar. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir bagi menjayakan majlis ini.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Majlis Pelancaran Buku Kitar Semula Komuniti Seberang Perai dan Aktiviti Sekolah Hijau.

Sekian, terima kasih.